

# Cabaran inovasi, kemusnahan kreatif

## Bicara Ekonomi



### Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan,  
Institut Penyelidikan  
Ekonomi Malaysia (MIER)

Inovasi amat penting untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan. Ia sumber terpenting untuk bersaing dalam sebuah ekonomi pasaran bebas.

Sebuah ekonomi yang mempunyai masyarakat berdaya inovasi yang tinggi sentiasa berada di hadapan. Inovasi bukan sahaja tertumpu kepada teknologi pengeluaran tetapi meliputi proses di dalam semua peringkat dari pengeluaran hinggalah ke pengguna. Matlamat utama inovasi tidak lain adalah untuk meningkatkan kecekapan proses terbabit.

Perlu diingat inovasi adalah proses yang berterusan. Lebih-lebih lagi di dalam era globalisasi kini di mana dunia diledakkan dengan maklumat. Ilmu berkembang dengan begitu cepat. Penguasaan ilmu bukan milik eksklusif mana-mana golongan. Iusteru setian inovasi



[FOTO HIASAN]

Sistem pendidikan mampu untuk menggalakkan kreativiti di kalangan pelajar.

BH  
14/2/17  
m/s. B5



Jika diteliti secara terperinci konsep kemusnahan kreatif ini, sebenarnya cabaran yang kita hadapi adalah lebih besar dari semata-mata menekankan kepada keperluan inovasi itu sendiri. Bukan pula bermakna kita perlu melupakan inovasi”

ngan. Justeru, setiap inovasi akan mengundang persaingan untuk menguasai malah memperbaiki inovasi berkenaan.

Ini adalah cabaran yang dihadapi oleh setiap ekonomi. Walau bagaimanapun, cabaran ini memang sesuatu yang dijangka bukannya kejutan. Ia asas kepada ekonomi pasaran bebas. Inovasi menggalakkan persaingan dan persaingan adalah kunci kepada kemajuan ekonomi. Tanpa persaingan ekonomi menjadi statik.

Selain itu, terdapat juga lain-lain cabaran yang perlu dihadapi berkaitan dengan inovasi. Cabaran utama adalah untuk membentuk masyarakat berinovasi.

Ini perlu dilakukan pada dua peringkat. Pertama dan terpenting adalah membentuk satu sistem pendidikan yang mampu meningkatkan daya inovasi masyarakat. Pendidikan yang perlu diterapkan bukan sahaja setakat penguasaan dan peningkatan kepakaran individu malah yang lebih penting adalah untuk menangani kedinamikan keperluan inovasi itu sendiri.

Kepakaran yang relevan kini tidak semestinya masih relevan sedekad ke hadapan. Bahkan, kitaran keperluan kepakaran kini bergerak begitu cepat selari dengan peredaran zaman.

Cabaran kedua adalah berkaitan dengan pembangunan institusi. Persekitaran yang sesuai perlu diwujudkan untuk menambahkan inovasi. Individu yang mempunyai kepakaran atau bakat perlu diberi galakan melalui persekitaran yang kondusif dan dasar-dasar yang membina.

Dasar perlindungan yang sesuai perlu juga wujud untuk me-

lindungi inovasi terutama di peringkat awalan.

Pembangunan institusi perlu menyeluruh. Ia bukan sahaja dari segi penyediaan persekitaran yang kondusif melalui penubuhan agensi dan dasar bersesuaian, malah yang lebih penting adalah untuk menerapkan budaya inovasi ini di dalam masyarakat. Dengan kata lain, budaya inovasi perlu diinstitusikan.

### **Penghijarahakan bakat**

Pembentukan persekitaran yang memupuk dan memberi ganjaran yang setimpal terhadap bakat adalah penting untuk mengelakkan penghijarahkan keluar bakat atau *brain drain*.

Kini banyak negara maju menerapkan dasar untuk menarik bakat daripada seluruh dunia, yakni untuk menggalakkan *brain gain*. Selain dari mempunyai persekitaran yang mengelakkan *brain drain*, Malaysia juga perlu mewujudkan persekitaran untuk menggalakkan *brain gain*.

Perkembangan di dalam negara pada masa kini mungkin tidak selari dengan keperluan untuk menarik bakat. Kebanyakan proses pengeluaran di dalam negara bergantung kepada buruh asing kurang mahir. Kebanyakan industri terperangkap di dalam suatu kitaran, apa yang dipanggil *vicious cycle*.

Tiada keperluan memaksa untuk industri berinovasi selagi jalan keluar mudah melalui pergantungan kepada buruh asing sentiasa menjadi pilihan. Seterusnya, pergantungan kepada buruh asing perlu selagi tiada

usaha untuk meningkatkan inovasi di kalangan industri.

Perlu juga diberi perhatian bahawa situasi ini sebenarnya menggalakkan *brain drain* kerana bakat di dalam negara tidak digunakan secara optimum.

Satu lagi cabaran secara semula jadi terhadap inovasi adalah berkaitan dengan konsep kemusnahan kreatif (*creative destruction*) yang diketengahkan oleh Joseph Schumpeter, seorang ahli ekonomi Austria-Amerika, di dalam karyanya *Capitalism, Socialism, and Democracy* (1942).

Konsep ini mengaitkan proses kemajuan industri, di mana menurut Schumpeter industri sentiasa berubah melalui proses inovasi. Apabila inovasi berlaku, industri baharu akan wujud dan juga turut membunuh industri yang lama. Ini adalah dilema yang dihadapi oleh kapitalisme.

Jika diteliti secara terperinci konsep kemusnahan kreatif ini, sebenarnya cabaran yang kita hadapi adalah lebih besar dari semata-mata menekankan kepada keperluan inovasi itu sendiri. Bukan pula bermakna kita perlu melupakan inovasi.

Malah inovasi semakin perlu, semakin ke hadapan pembangunan ekonomi yang di kecipi. Cabarannya adalah untuk mengurangkan kemusnahan kreatif.

Isu kemusnahan kreatif terutama adalah berkaitan dengan kemusnahan pekerjaan setelah industri berubah. Contoh yang ketara umpamanya bagaimana kita melihat pekerjaan jurutaip menjadi tidak relevan dengan perkembangan komputer.

Maka selari dengan ini banyak

lagi pekerjaan yang akan hilang serentak dengan pembangunan ekonomi.

Ini bermakna sistem pendidikan kita bukan sahaja mampu untuk menggalakkan inovasi, tetapi juga mesti mampu membentuk pekerja yang fleksibel.

Mereka perlu mempunyai kebolehan dalam memastikan ia kekal relevan. Sebenarnya, ini adalah paradoks terbesar di dalam era moden kini. Pembangunan ekonomi makin mengurangkan penciptaan pekerjaan di sebalik pertumbuhan penduduk yang semakin pesat.

### **Implikasi lebih buruk**

Senario di atas menunjukkan pergantungan kepada buruh asing kurang mahir sebenarnya mempunyai implikasi yang jauh lebih buruk daripada apa yang kita jangkakan. Ia mempunyai kesan rantaian terhadap pekerja tempatan.

Kini keperluan tenaga mahir tidak meningkat setimpal dengan peningkatan tenaga kerja. Tiada keperluan kepada industri untuk mengubah sistem pengeluaran mereka. Oleh yang demikian, pengangguran di kalangan lulusan universiti bukan lagi satu keganjilan pada masa kini.

Namun yang lebih penting kesan rantaian untuk keperluan pekerja masa hadapan. Lompang, atau ketidakrelevanan pekerja tempatan, yang wujud di dalam pasaran buruh kini akan menyebabkan mereka semakin tidak relevan untuk pasaran buruh masa hadapan. Ini kerana mereka ketinggalan di dalam arus inovasi kini.